



SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

581 Usahawan Berjaya Dilatih Melalui Program TUBE 6.0 & TUB

Beranang, Selangor, 23 November 2019 – Tahun ini, seramai 581 belia termasuk 29 Orang Kelainan Upaya (OKU) telah berjaya dilatih bagi menceburi bidang perniagaan. Latihan ini dilaksanakan melalui Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE), kelolaan SME Corp. Malaysia yang merupakan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED).

Selain itu, pada tahun ini, SME Corp. Malaysia juga bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) bagi melaksanakan Program Tunas Usahawan Baitulmal (TUB) yang menggunakan konsep dan model Program TUBE. Melalui Program ini, usahawan di bawah bimbingan MAIWP dapat mengembangkan perniagaan dan membolehkan mereka menjadi pengeluar zakat dengan pendedahan terhadap modul keusahawanan, perkongsian maklumat serta khidmat nasihat dan bimbingan perniagaan. Melalui kerjasama ini, seramai 85 peserta telah berjaya menamatkan latihan termasuk 10 peserta daripada Labuan.

Ini merupakan beberapa pembaharuan yang telah diperkenalkan oleh MED dan SME Corp melalui program TUBE yang telah dilaksanakan sejak tahun 2014. Sehingga kini, program TUBE telah berjaya melatih sejumlah 4,422 belia untuk menceburi bidang perniagaan dan daripada jumlah tersebut, 4,380 usahawan belia telah mendaftarkan perniagaan dengan nilai jualan terkumpul sehingga Oktober 2019 bernilai RM123.2 juta. Program ini juga telah berjaya mewujudkan 10,010 peluang pekerjaan termasuk untuk peserta itu sendiri.

Program TUBE kini mendapat sokongan dan kerjasama daripada lebih 30 rakan strategik di peringkat Persekutuan dan Negeri seperti Kementerian Pendidikan

Malaysia (KPM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kumpulan SME Bank, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Permodalan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Program ini juga turut menerima penajaan daripada Maybank Islamic Berhad, Kumpulan SME Bank, TM Unifi dan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC).

Setelah menamatkan latihan, para peserta TUBE telah membentangkan Rancangan Perniagaan (RP) kepada Panel Penilai melalui Sesi 'Pitch2Match" bagi menentukan jumlah geran yang layak, sehingga maksimum RM15,000. Pada tahun ini, Peserta Terbaik Program TUBE dimenangi oleh Mardhati Binti Mohd Sharef, manakala Muhammad Fahmi Bin Ahmad menerima hadiah Rancangan Perniagaan Terbaik. Di bawah Program TUB, Md Isa Bin Hamat telah dinobatkan sebagai Peserta Terbaik, manakala Nurul Jannah Binti Miran pula memenangi Rancangan Perniagaan Terbaik. Keempat-empat peserta ini menerima RM1,000 ganjaran tunai setiap seorang hasil penajaan daripada rakan-rakan strategik Program TUBE tahun ini.

Majlis ini juga turut menyaksikan penyerahan *mock cheque* daripada Kumpulan SME Bank, TM Unifi, Maybank Islamic Berhad dan Credit Guarantee Corporation Berhad (CGC). Maybank Islamic Berhad merupakan bank rasmi bagi program TUBE untuk kali ke-2.

Majlis Penutup ini disempurnakan oleh Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan turut dihadiri oleh Dato' Sri Syed Hussien Al Habshee, Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) merangkap Pengerusi SME Corp. Malaysia; YB Dr. Mohamad Rafie Ab. Malek, Exco Pelaburan, Perindustrian, Keusahawanan, Pendidikan dan Modal Insan Negeri Sembilan; Datuk Haji Abdul Aziz Bin Jusoh, Ketua Pegawai Eksekutif, MAIWP; Prof. Dato' Dr. Imran Ho Abdullah, Timbalan Naib Canselor, Hal-Ehwal Jaringan Industri & Masyarakat, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Tuan Haji Mohd Ajib Ismail, Pengarah, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Encik Noor Azmi Mat Said, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia.

- TAMAT -

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Puan Norliza Mokhtar di talian 03-2775 6175 atau emel – norliza@smecorp.gov.my atau Puan Amira Haryany Mohd Amry di talian 03-2775 6177 atau emel – amiraharyany@smecorp.gov.my

**PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA
(SME CORP. MALAYSIA)**

Aras 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral,
Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral,
50470 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 1300-30-6000
Fax : 603-2775 6001
E-mail : info@smecorp.gov.my
Website : www.smecorp.gov.my

SME Corp. Malaysia

-
SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) yang menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Mesyuarat Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.